

- Siti Sarah bt Saufe
- Nurul Syakirah bt Sulaiman
- Nurul Amni Athirah bt Mat Hussin
- Wan Nurul Izzah bt Meor Ahmad Termidi

- Suzana bt Abdu Wahab
- Zawiah bt Bahrom
- Dr Liau Swee Foong
- Gurumintarjit Kaur A/P Jangir Singh



FUN SCAN

PENGENALAN

- Fun Scan dihasilkan dengan penggunaan aplikasi Plickers yang memuatkan soalan-soalan Sejarah Tahun Lima. Projek inovasi ini membawa konsep gamifikasi yang menggunakan elemen permainan yang dapat merangsang dan memberikan motivasi kepada pengamalnya agar pengajaran dapat diintegrasikan dalam bentuk permainan (Hussain, Tan & Idris, 2014). Inovasi ini memberikan satu pengalaman baharu yang seronok untuk menilai pemahaman murid terhadap sesuatu konsep pembelajaran dan seterusnya merangsang daya ingatan murid. Fun Scan ini mudah dikendalikan serta mempunyai keupayaan mobiliti kerana boleh diakses secara atas talian pada bila-bila masa sahaja iaitu melalui aplikasi Plickers. Objektif penghasilan projek inovasi ini adalah untuk mewujudkan satu persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan interaktif di dalam bilik darjah serta untuk memudahkan proses pembelajaran terutama semasa fasa refleksi. Fun Scan boleh digunakan untuk menilai sejauh mana penguasaan murid terhadap sesuatu konsep yang telah dipelajari. Fun Scan juga mempunyai keunikan yang tersendiri iaitu kos penggunaan Fun Scan adalah rendah dimana guru hanya memerlukan sebuah telefon pintar dan kad QR Code untuk setiap pelajar. Ini menunjukkan bahawa Fun Scan bukan sahaja boleh digunakan di sekolah yang mempunyai kemudahan teknologi yang lengkap malah ia juga boleh digunakan oleh guru di sekolah-sekolah pedalaman. Mata pelajaran sejarah merupakan satu subjek yang sangat membosankan dan tidak menarik namun, penggunaan aplikasi ini mampu menggalakkan penglibatan pelajar secara aktif dan suasana pembelajaran yang menyeronokkan mampu untuk diwujudkan. Disebabkan oleh aplikasi ini memuatkan keseluruhan tajuk Sejarah Tahun 5, maka aplikasi ini boleh diperkenalkan kepada guru-guru di sekolah bagi membolehkan mereka menggunakan aplikasi ini sebagai satu latihan pengukuhan yang interaktif kepada pelajar-pelajar.

PENYATAAN MASALAH




- Murid kurang berminat dan mudah berasa bosan dengan matapelajaran Sejarah
- Guru sukar menangani bahan bantu mengajar yang lebih besar, berat dan kurang praktikal.
- Murid sukar mengingat fakta-fakta mudah tentang konsep asas mata pelajaran Sejarah



OBJEKTIF

- Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan
- Memudahkan proses PdPc khususnya fasa refleksi
- Meningkatkan motivasi murid untuk belajar Sejarah
- Menggalakkan penglibatan murid dalam proses PdPc

INOVASI




KELEBIHAN

- Kos penggunaan yang rendah
- Boleh disebar luas kepada pengguna (replicability)
- Mempunyai keupayaan mobiliti
- Penghubungjalinan konsep PAK21 dan elemen TMK
- Menggalakkan pembelajaran interaktif


PENILAIAN PENGGUNA TERHADAP FUN SCAN

ANALISIS PENILAIAN SOAL SELIDIK FUN SCAN




SKOR 1: SANGAT TIDAK SETUJU
SKOR 5: SANGAT SETUJU

Pra ujian



Pasca ujian




- Motivasi murid



- Penglibatan murid dalam PdP Sejarah



- Keronokan belajar



https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScKdAqEI4aTVrEOCGZCvcWtrIFJoacIRgC3NFgUS8NXeub4MQ/viewform?usp=sf_link



soalan soal selidik pra ujian dan pasca ujian

